

05 JUN 2002

Fong-ILO

DR MAHATHIR AKAN KEMUKA PENGALAMAN MALAYSIA PADA SIDANG ILO

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Malaysia akan sekali lagi menjadi perhatian dunia apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan pengalaman Malaysia mengekalkan keharmonian perusahaan di negara ini pada persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva 11 Jun ini.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata pada persidangan itu nanti Dr Mahathir akan menyampaikan ucap tama berkaitan dimensi sosial globalisasi yang menyentuh pelbagai aspek perburuhan termasuk buruh paksa, buruh kanak-kanak serta penyediaan suasana kerja yang lebih baik bagi pekerja.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kementeriannya di sini, Dr Fong berkata Dr Mahathir juga akan menyentuh isu Myanmar sebagai usaha salah sebuah negara anggota Asean menerangkan kepada masyarakat dunia mengenai keadaan di negara itu.

Beliau berkata dalam ucap tamanya itu, Dr Mahathir juga akan menceritakan pengalaman Malaysia dalam mengekalkan keharmonian perusahaan di negara ini.

Katanya ini termasuk polisi "tiga pihak" yang diamalkan oleh kerajaan membabitkan kerajaan, majikan dan pekerja dalam sesuatu perbincangan bagi menangani sebarang masalah yang melibatkan pertikaian yang boleh menjejaskan keharmonian perusahaan di negara ini.

Dr Fong berkata ucapan Dr Mahathir pasti akan memberi impak terhadap pandangan masyarakat dunia mengenai suasana perusahaan di Malaysia memandangkan persidangan itu akan dihadiri oleh menteri-menteri buruh serta pemimpin kesatuan sekerja dari negara seluruh dunia.

Mengenai program latihan bagi siswazah menganggur dan pekerja yang diberhentikan, Dr Fong berkata kementerian itu sedang membuat persediaan bagi memohon peruntukan tambahan bagi mengendalikan program itu.

Beliau berkata ini kerana sambutan terhadap kursus itu amat menggalakkan dan kementerian yakin matlamat melatih 20,000 orang menjelang akhir tahun ini akan tercapai.

Katanya setakat ini seramai 12,719 orang menyertai kursus yang dikendalikan menerusi Tabung Pembangunan Sumber Manusia, dan daripada jumlah itu 7,277 merupakan siswazah menganggur manakala 12,719 lagi pekerja yang dibuang kerja.

Dr Fong berkata setakat ini RM85 juta daripada peruntukan RM89.9 juta bagi program itu telah digunakan.

Beliau berkata selain kursus dalam bidang Teknologi Maklumat dan bahasa Inggeris yang ditawarkan sekarang, kementerian itu bercadang menambah jenis kursus pada masa hadapan termasuk dalam bidang pengurusan.

-- BERNAMA

AKT AZH NMO